



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Division of Industry & Community Network

KAMPUS SEJAHTERA @USM Sustainability@USM

ChM. Dr. Normaliza Abdul Manaf

Penyelaras Kampus Sejahtera

Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat

8 JULAI 2025



SESI TOWNHALL TNC JIM 2025



www.usm.my/sustainability




[sustainability USM](https://www.facebook.com/sustainabilityUSM)

Struktur Organisasi



Profesor Dr. Azlan Amran
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri & Masyarakat



PEJABAT JARINGAN
INDUSTRI

PEJABAT JARINGAN
MASYARAKAT

KAMPUS SEJAHTERA


PENERAJU INOVASI SOSIAL &
PEMINDAHAN ILMU

GreenCampus@USM

THE Impact Ranking

Risiko & Bencana





Pengenalan

Kampus Sejahtera ialah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2001. Ianya adalah inovasi unik USM dalam menerajui pembangunan lestari di dalam kampus. **Kampus Sejahtera** merupakan komitmen universiti terhadap kelestarian, kesejahteraan, dan pembangunan holistik komuniti USM. Konsep "Sejahtera" merangkumi kesejahteraan fizikal, emosi, rohani, intelektual, alam sekitar dan sosial.

Kampus Sejahtera bertanggungjawab menyelaraskan pelaksanaan agenda kelestarian universiti dan strategi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) universiti. Ia selaras dengan visi USM '**Mentransformasikan Pendidikan Tinggi Untuk Kelestarian Hari Esok**'.



Objektif



Memastikan agenda kelestarian universiti di dalam kampus dapat dilaksanakan



Membudayakan amalan dan tanggungjawab kelestarian dalam setiap warga kampus.





Mengukuhkan ranking USM dalam THE Impact Ranking.

"Mengintegrasikan kelestarian ke dalam sistem tadbir urus universiti bagi mewujudkan persekitaran yang inovatif dan lestari"

Tadbir Urus Kelestarian




USM telah membangunkan struktur tadbir urus yang kukuh bagi menggerakkan agenda kelestarian universiti, melibatkan kepimpinan pada semua peringkat komuniti universiti.



Struktur ini memastikan pendekatan kelestarian di USM dilaksanakan secara menyeluruh dan inklusif, dipacu oleh kepimpinan strategik, penyelarasan operasi, komitmen staf serta penglibatan aktif pelajar.

Polisi dan Garis panduan

- USM Sustainability Policy 2014
(Revised 2024)
- USM 5 Years Sustainability Action
Plan (2021-2025)
- Garis Panduan Pejabat Hijau /
Desasiswa Hijau



USM komited terhadap kelestarian melalui dasar menyeluruh, pelan tindakan strategik dan panduan operasi hijau. Struktur tadbir urus yang mantap membolehkan pelaksanaan menyeluruh merangkumi pendidikan, penyelidikan, operasi dan penglibatan komuniti. Pelan Tindakan 5 Tahun dan Garis Panduan Pejabat Hijau memastikan amalan lestari dilaksana secara terarah, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sekali gus mengukuhkan peranan USM sebagai peneraju kelestarian.



➤ Pelan Hala Tuju Pengajian Tinggi 2025

➤ APEX Universiti

➤ Pejabat Hijau / Desasiswa Hijau

➤ Kempen kesedaran

➤ Times Higher Education Impact Ranking

Inisiatif Kampus Sejahtera

Kampus Sejahtera menyokong Pelan Hala Tuju Pengajian Tinggi 2025 melalui pelaksanaan agenda kelestarian berasaskan status APEX. Ia merangkumi Dasar Kelestarian, Pejabat Hijau, pelbagai kempen kesedaran, serta penglibatan komuniti kampus secara menyeluruh ke arah kampus yang lestari dan berimpak global. Kelestarian USM dibuktikan dengan pencapaian dalam THE Impact Ranking.

Pelan Hala Tuju Pendidikan Tinggi

2025 - 7 Fokus Utama

Fokus 7 : Infrastruktur, Digital dan Kesejahteraan Kampus


F7P3 Inisiatif Green Campus

- P3a: Jumlah penjimatan tenaga elektrik (energy) bagi setiap UA dengan memaksimumkan kecekapan tenaga di bangunan dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.
- P3b: Mengurangkan pelepasan karbon melalui pengurusan sisa pepejal (mengurangkan jumlah sisa yang masuk ke tapak pelupusan sampah)
- P3c: Menambah kawasan hijau (greenery) dengan menambah bilangan pokok.

Membentuk budaya kelestarian dan meningkatkan kesedaran di kalangan semua warga Universiti Awam (UA) ke arah pengurangan pembaziran tenaga untuk menambah baik keberkesanan penggunaan tenaga, memelihara sumber dan mempertingkatkan kualiti persekitaran.




Universiti APEX



USM dipilih untuk melaksanakan *Accelerated Programme for Excellence* (APEX) pada tahun 2008

Visi:
Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok

Misi:
USM merupakan universiti perintis, intensif penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasikan kesejahteraan sosioekonomi mereka.



SO4: Service Excellence

S14 Championing Sustainability Led Initiatives

PEJABAT HIJAU@USM

Dilancarkan pada 2023, program Pejabat Hijau mengintegrasikan kelestarian dalam tadbir urus universiti, memupuk amalan lestari yang sejajar dengan sekurang-kurangnya 14 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Inisiatif ini memperkukuh visi USM untuk memupuk persekitaran kampus yang lebih hijau dan memperjuangkan kelestarian di semua peringkat operasi bagi mewujudkan persekitaran yang inovatif dan lestari.

Komponen Utama



Perolehan Hijau



Keselamatan & Kesihatan



Pengurusan Sisa



Penglibatan Staf, Pelajar & Komuniti



Pengurusan Sumber

Audit Pejabat Hijau 2025

- ✓ September – November
- ✓ Majlis Penarafan 🍃 : Disember
- ✓ Data Audit: Julai 2024 – Ogos 2025



KEMPEN

Kempen Kampus Sejahtera merupakan inisiatif seluruh kampus yang mempromosikan gaya hidup lestari dan sihat dalam kalangan warga universiti. Usaha utama termasuk larangan plastik sekali guna dan galakan penggunaan beg serta bekas boleh guna semula bagi mengurangkan sisa. Amalan ini bertujuan meminimumkan impak alam sekitar dan memupuk tabiat mesra alam dalam kalangan pelajar, staf, dan peniaga.

Kempen turut menekankan aspek kesihatan dan kesejahteraan melalui dasar kampus bebas asap rokok dan vape, bagi memastikan udara yang lebih bersih dan persekitaran yang sihat. Ia juga menggalakkan pengurangan pengambilan gula dengan mempromosi pilihan minuman yang lebih sihat.



THE Impact Ranking

Overall score

Times Higher Education (THE) Impact Rankings merupakan satu-satunya penarafan prestasi global yang menilai universiti berdasarkan pencapaian terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



Annual score




95.6%

= 14th In the world

Shared with 5 universities

THE Impact Ranking

OVERALL SCORE SDG 2025




Focus SDG 2025:
1, 2, 6, 11, 16 & 17

Top 100: 11 SDGs
Increase score* & rankings*: 14 SDGs

THE Impact Ranking


FOCUS SDG 2025

SDG1: No Poverty




Achieved

SDG16: Peace, Justice and Strong Institutions



Achieved

SDG17: Partnerships for the Goals




Achieved

	SDG1	SDG16	SDG17
Score	94.3	95.9	99.8
Ranking	1	1	1
No of Institution	1267	1265	1289

THE Impact Ranking

FOCUS SDG 2025
(not achieved)


SDG2: Zero Hunger



Gap Analysis

1. **Need to decrease food waste.**
2. University access to local farmers and food producers – **need to mentioned facilities provided.**
3. Sustainable food purchases – **need to mentioned in policy priorities purchase of products from local, sustainable sources.**


SDG6: Clean Water and Sanitation



Gap Analysis

1. **Need to improve University water consumption**
2. Water-conscious building standards - **Apply building standards to minimise water use**

SDG11: Sustainable Cities and Communities




Gap Analysis

1. **Research element need to improve.**
2. Need to identify a way to **calculate art & heritage expenditure**
3. USM allow remote working for employees - **need policy or standard practice**
4. **Need improvement on data presentation for building on brownfield sites**

THE Impact Ranking

3 TYPES OF INDICATORS (#255)



RESEARCH 47 indicators

35.2 % - 80-100 marks

41.2% - 70-79 marks

23.5% - <70% marks

NUMERICAL DATA 24 indicators

25% - > 80% marks

20.8% - 60-79% marks

54.1% - <60 marks

EVIDENCE BASED 184 indicators


83.7% - specific

6.5 % - generic

9.8% - not relevant

THE Impact Ranking

RESEARCH BY SDGs



THE Impact Ranking

NUMERICAL DATA
(<60 marks)

Major Constraints

SDG	Indicators	Score
SDG 6	Volume of water used	50.0
SDG 7	Energy use density	52.7
SDG 7/13	Low-carbon energy use	16.4/58.2
SDG 8	Students in work placements	18.7
SDG 9	University spin-offs	36.3
SDG 12	Recycled waste	58.4

Uncontrolled Data

SDG	Indicators	Score
SDG 4/10	First-generation students	32.2/31.8
SDG 5	First-generation female students	39.1
SDG 8	Expenditure per employee	52.4
SDG 10	Students with disabilities	38.9
SDG 10	Employees with disabilities	8.8

THE Impact Ranking

EVIDENCE BASED
(Generic & not relevant data)

Policy Enhancements

- **Timely Review** - policies need to review every 5 years.
- **Ownership of Policy** - adopting national/federal policies; recommended to develop USM's internal policies tailored to sustainability goals.
- **Examples of Relevant Policies/Guidelines:**
 - Lifelong learning access policy
 - Maternity/Paternity Policy
 - Green Procurement Policy
 - Energy Efficiency Guidelines
 - Employment policy modern slavery
 - Employment practice appeal process
 - Non-discriminatory admissions policy
 - Ethical sourcing policy
 - Disposable policy: extensions to services
 - Monitoring IUCN and other conservation species

Others

- Tracking access measures - Systematically measure and track women's application rate, acceptance or entry
- Women's mentoring schemes
- Plan to reduce energy consumption
- Assistance to low-carbon innovation
- Technologies towards aquatic ecosystem damage prevention

Panduan Program Kelestarian

SDG 1 : Tiada Kemiskinan


Akses Pendidikan untuk Pelajar Berpendapatan Rendah



USM komited menyediakan peluang pendidikan yang setara kepada pelajar daripada kumpulan berpendapatan rendah melalui penetapan sasaran enrolmen dan graduasi, pemberian bantuan, dan sokongan psikososial yang menyeluruh agar mereka dapat menamatkan pengajian dengan jayanya.

Cadangan Program	Kaedah Pembuktian
Mempunyai rekod bilangan pelajar	Rekod bilangan pelajar
Menyediakan statistik lengkap pelajar dari kategori berpendapatan rendah (B40) yang menerima bantuan dalam bentuk tunai, biasiswa, atau bantuan lain.	Rekod pelajar dari kategori B40 yang menerima bantuan
Meletakkan sasaran untuk menerima pelajar baharu dari kumpulan isi rumah berpendapatan paling rendah (berpendapatan rendah atau bawah 20% atau B40) di negara ini setiap tahun.	Maklumat peratusan pelajar baharu yang diterima daripada kumpulan isi rumah berpendapatan paling rendah (B40) setiap tahun dipaparkan di laman sesawang

PTJ Terlibat: BPA, IPS, BHEPA
Tidak tertakluk kepada PTJ yang dinyatakan



PELAPORAN AKTIVITI



No. Rujukan: Bil (12)/Hebahan/JIM.Jld 1
Tarikh: 7 Mei 2025

Kepada : Staf dan Pelajar Universiti Sains Malaysia
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan/
Hospital Pakar USM/ IPPT

YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

HEBAHAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT
BILANGAN 3 TAHUN 2025

PANDUAN PELAPORAN AKTIVITI/ PROGRAM KELESTARIAN DI MEDIA SOSIAL

Segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) melalui Kampus Sejahtera telah menyediakan Panduan Pelaporan Aktiviti/Program Kelestarian di Media Sosial bagi memperkukuh pelaporan dan dokumentasi program kelestarian yang dilaksanakan oleh seluruh warga USM adalah teratur.

3. Panduan ini bertujuan untuk memastikan segala aktiviti dan program berunsurkan kelestarian yang dijalankan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ), persatuan pelajar dan komuniti kampus dapat direkodkan, dipromosikan serta dimanfaatkan dalam penyediaan laporan kelestarian tahunan universiti.

4. Sehubungan itu, semua pihak adalah disarankan untuk melaporkan aktiviti/program kelestarian masing-masing dengan memuat naik hantaran ke platform Facebook serta menandakan (tag) akaun rasmi "Sustainability USM" dan menggunakan "hashtag" seperti #SustainabilityUSM #GreenCampusUSM dan #WeLead. Kandungan laporan yang perlu disertakan meliputi maklumat program, pencapaian dan impak, serta kaitan dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

5. Bersama-sama ini disertakan panduan pelaporan tersebut dalam bentuk infografik untuk perhatian dan rujukan semua. Maklumat yang dinyatakan dalam panduan ini juga boleh digunakan untuk tujuan pelaporan di laman sesawang rasmi PTJ atau persatuan masing-masing.

Kerjasama dan tindakan semua pihak amat dihargai dalam memastikan pelaporan aktiviti kelestarian dapat diselaraskan dan dimanfaatkan secara optimum untuk memperkukuh budaya lestari di USM

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROFESOR DR. AZLAN AMRAN
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri dan Masyarakat

Pejabat Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri dan Masyarakat
Office of the Deputy Vice-Chancellor
Industry and Community Network

Universiti Sains Malaysia
Ara 6, Bangunan Canselor
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
T : (6)04 653 2902
F : (6)04 653 2903
E : dvc_jcn@usm.my
L : https://icn.usm.my/



PANDUAN PELAPORAN AKTIVITI/PROGRAM KELESTARIAN DI MEDIA SOSIAL

1

MAKLUMAT YANG PERLU DILAPORKAN

A. Maklumat Aktiviti/Program:

- Nama PTJ/Persatuan
- Tajuk Aktiviti/Program
- Tarikh & Lokasi
- Objektif Aktiviti/Program
- Kumpulan Sasaran
- Bilangan Peserta

B. Pencapaian Aktiviti/Program:

- Hasil/Impak
- Lampiran Gambar
- Pengiktirafan (sekiranya ada)

C. Maklumat Tambahan:

- Rakan Kerjasama Strategik / NGO (sekiranya ada)
- Jenis Program (Berbayar/Percuma)

D. 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Berkaitan:



Nota: Maklumat ini juga boleh digunakan bagi tujuan pelaporan di laman sesawang rasmi PTJ/Persatuan

2

PENANDAAN AKAUN RASMI KELESTARIAN

- Semasa memuat naik hantaran di Facebook, sila tag akaun rasmi berikut: <https://www.facebook.com/sustainabilityUSM> (Nama paparan: Sustainability USM)
- Guna hashtag berkaitan: #SustainabilityUSM, #GreenCampusUSM, #WeLead
- Sekretariat Kampus Sejahtera akan:
 - a. "Like", "share", dan "repost" hantaran anda melalui akaun rasmi.
 - b. Kompilasi hantaran bertujuan bagi penyediaan laporan tahunan kelestarian.



Facebook Sustainability USM

Sebarang pertanyaan, sila kemukakan emel kepada sustainability@usm.my atau hubungi 04-653 6632



Pejabat Timbalan Naib Canselor
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Universiti Sains Malaysia

KAMI MEMIMPIN | Mentransformasikan Pendidikan Tinggi
Untuk Kelestarian Hari Esok

Panduan Kelestarian

SDG 1 : Tiada Kemiskinan

Penerbitan Berkualiti untuk Menyokong Matlamat SDG 1



Melibatkan usaha universiti dalam memastikan kualiti penyelidikan berkaitan kesihatan melalui penerbitan ilmiah bersama penulis dari negara berpendapatan rendah yang berimpak tinggi, terindeks dan mempunyai petikan yang relevan, khususnya berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari 1 (SDG 1).

Cadangan Program	Kaedah Pembuktian
Meningkatkan bilangan penerbitan bersama penulis dari negara berpendapatan rendah dan sederhana rendah, seperti yang ditakrifkan oleh World Bank.	Bilangan penerbitan bersama penulis dari negara berpendapatan rendah dan sederhana rendah.
Memastikan kualiti penerbitan universiti dalam bidang penyelidikan kemiskinan menggunakan bilangan petikan (citation) yang diterima sebagai metrik.	Bilangan petikan (citation) penerbitan, termasuk kertas, ulasan, prosiding persidangan, buku atau bab dalam buku, mengikut tahun penerbitan dan subjek yang diindeks oleh Scopus.
Memastikan penerbitan Scopus menggunakan kata kunci berkaitan SDG 1.	Bilangan penerbitan SDG 1 dalam Scopus.

World Bank: <https://www.worldbank.org/en/topic/poverty/overview>

SDG 2 : Kelaparan Sifar

Penerbitan Berkualiti untuk Menyokong Matlamat SDG 2



Melibatkan usaha universiti dalam memastikan kualiti penyelidikan berkaitan kelaparan sifar melalui penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi, terindeks dan mempunyai petikan yang relevan, khususnya berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari 2 (SDG 2).

Cadangan Program	Kaedah Pembuktian
Memastikan penerbitan tersenarai dalam jurnal 10% teratas mengikut skor petikan (Citescore) metrik.	Bilangan penerbitan yang tersenarai dalam jurnal 10% teratas mengikut skor petikan (Citescore) metrik.
Memastikan kualiti penerbitan universiti dalam bidang penyelidikan kemiskinan menggunakan bilangan petikan (citation) yang diterima sebagai metrik.	Bilangan petikan (citation) penerbitan termasuk kertas, ulasan, prosiding persidangan, buku atau bab buku, mengikut tahun penerbitan dan mengikut subjek diindeks oleh Scopus.
Memastikan penerbitan mengintegrasikan kata kunci berkaitan SDG 2	Bilangan penerbitan dalam Scopus dengan kata kunci SDG 2.

Panduan Kelestarian

SDG 17: Kerjasama Demi Matlamat

Penerbitan Berkualiti untuk Menyokong Matlamat SDG



USM menggalakkan penerbitan berimpak tinggi yang bukan sahaja memenuhi kriteria SCOPUS tetapi juga menyumbang kepada matlamat global melalui kolaborasi antarabangsa dengan negara berpendapatan rendah dan sederhana. Ini mencerminkan komitmen institusi terhadap keadilan pengetahuan dan perkongsian secepat dalam penyelidikan berkualiti.

Cadangan Program	Kaedah Pembuktian
Meningkatkan bilangan penerbitan bersama dengan penulis dari negara berpendapatan rendah dan sederhana.	Bilangan penerbitan bersama dengan penulis dari negara berpendapatan rendah dan sederhana
Memastikan penerbitan Scopus menggunakan kata kunci berkaitan SDG 17	Bilangan penerbitan SDG 17 dalam Scopus.

Kata Kunci SDG

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengajak masyarakat global untuk membina sebuah dunia yang lebih adil dan sejahtera tanpa ada sesiapa yang terpinggir. Sejak tahun 2018, Elsevier telah menyediakan carian kata kunci bagi membantu penyelidik dan institusi memantau serta menunjukkan kemajuan dalam mencapai matlamat tersebut.

Carian kata kunci bersama-sama dengan data dan bukti yang dikumpulkan oleh universiti, digunakan dalam penilaian THE Impact Rankings bagi mengukur keberhasilan dan sumbangan universiti kepada pencapaian SDG di peringkat global.

Pautan kata kunci:

<https://elsevier.digitalcommonsdata.com/datasets/6bjy52jkm9/1>





Cabaran

- Kesedaran dan Penglibatan Warga
- Kekangan Sumber dan Dana
- Pemantauan dan Pengukuran Prestasi
- Perubahan Tingkah Laku
- Koordinasi Antara Jabatan/Unit
- Sokongan Polisi dan Penguatkuasaan



Penutup



- Menyokong hala tuju USM sebagai Universiti APEX dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Pengajian Tinggi 2025.
- Inisiatif seperti Pejabat Hijau dan kempen gaya hidup sihat memperkukuh budaya kelestarian di kampus.
- Kelestarian ialah proses berterusan dan memerlukan komitmen seluruh warga kampus.



TERIMA KASIH



www.usm.my/sustainability



sustainability USM

*Small acts when multiplied by
millions of people, can
transform the world*

Howard Zinn